



**DASAR HUBUNGAN MAJIKAN- ANGGOTA MPOB DALAM KERJA-KERJA  
BERKAITAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN, MAJLIS BERSAMA JABATAN,  
KESATUAN, PERSATUAN DAN KELAB ATAU MANA-MANA PERTUBUHAN  
YANG BERDAFTAR**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan memaklumkan dasar hubungan majikan dengan anggota MPOB dalam pemberian kemudahan dan elaun untuk kerja-kerja berkaitan Majlis Bersama Kebangsaan, Majlis Bersama Jabatan, Kesatuan, Persatuan dan Kelab serta pertubuhan yang berdaftar.

**2. LATAR BELAKANG**

- i. Pada masa ini sering terdapat kekeliruan bagi Ketua Jabatan dan pihak pentadbiran untuk menguruskan tuntutan perjalanan bagi anggota yang terlibat di dalam kerja-kerja berkaitan dengan Majlis Bersama Kebangsaan, Majlis Bersama Jabatan, Kesatuan, Persatuan dan Kelab serta mana-mana pertubuhan yang berdaftar.
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2020 telah menggariskan beberapa panduan berkaitan kemudahan yang boleh dituntut oleh anggota ketika terlibat di dalam aktiviti berkaitan dengan Majlis Bersama Kebangsaan.
- iii. Pada masa ini tiada panduan khusus yang boleh dirujuk oleh anggota MPOB dalam menguruskan tuntutan perjalanan di dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu panduan ini boleh dijadikan rujukan kepada Ketua Jabatan dan anggota untuk membuat sebarang tuntutan.

### **3. DASAR MPOB DALAM PENYEDIAAN KEMUDAHAN DAN ELAUN**

Untuk menyokong antara satu sama lain iaitu majikan dan pekerja, pihak Pengurusan MPOB bersetuju menyediakan kemudahan dan membenarkan tuntutan kos perjalanan berdasarkan kategori badan yang disertai seperti berikut:

| <b>Peringkat Penglibatan</b>    | <b>Kelayakan dan Kemudahan yang diberikan oleh MPOB</b>  |
|---------------------------------|--|
| Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) | <ol style="list-style-type: none"><li>1) Kehadiran anggota ke mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) adalah dianggap sebagai menjalankan tugas rasmi. Anggota boleh membuat tuntutan perjalanan dan elaun-elaun kerana bertugas rasmi apabila menghadiri mesyuarat seperti di bawah:<ol style="list-style-type: none"><li>i. Mesyuarat-mesyuarat MBK;</li><li>ii. Mesyuarat Pihak Pekerja yang diadakan sehari sebelum Mesyuarat Majlis yang dijemput oleh Kerajaan;</li><li>iii. Mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis; dan</li><li>iv. Mesyuarat yang diarahkan atau dijemput oleh Kerajaan atau Jabatan di mana pegawai yang hadir mewakili kesatuan sekerta atau persatuan.</li></ol></li><li>2) Tuntutan di perkara (i), (ii) dan (iii) hendaklah dituntut dengan pihak JPA manakala (iv) boleh dituntut dengan MPOB.</li><li>3) Cuti Tanpa Rekod akan diberikan kepada anggota yang menghadiri Konvensyen dwi-tahunan dua (2) tahun sekali bagi pemilihan Pihak Pekerja MBK.</li><li>4) Anggota boleh menggunakan kemudahan dan aset MPOB seperti kenderaan dan bilik mesyuarat. Pemandu yang bertugas juga dianggap melaksanakan tugas rasmi.</li><li>5) Kesemua pelantikan ahli Jawatankuasa perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah dan penglibatan di dalam aktiviti MBK</li></ol> |

| <b>Peringkat Penglibatan</b>   | <b>Kelayakan dan Kemudahan yang diberikan oleh MPOB</b>   |
|--|---|
|  | perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan sebelum memulakan perjalanan.  |
| Majlis Bersama Jabatan (MBJ)   | <p>1) Kehadiran anggota ke mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) adalah dianggap sebagai menjalankan tugas rasmi. Anggota boleh membuat tuntutan perjalanan dan dibayar elaun-elaun apabila menghadiri mesyuarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mesyuarat-mesyuarat MBJ dan Pra-MBJ</li> <li>b. Mesyuarat jawatankuasa yang dijemput oleh Pengurusan MPOB mewakili kesatuan atau persatuan/kelab.</li> </ul> <p>2) Anggota boleh menggunakan kemudahan dan aset MPOB seperti kenderaan dan bilik mesyuarat. Pemandu yang bertugas juga dianggap melaksanakan tugas rasmi.</p> <p>3) Kesemua pelantikan ahli Jawatankuasa perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah dan penglibatan di dalam aktiviti MBJ perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan.</p>   |
| Aktiviti Pertubuhan Kesatuan, Persatuan, Kelab, Pertubuhan atau Badan-badan berdaftar. | <p>1) Berikut adalah antara aktiviti yang melibatkan Pertubuhan Kesatuan, Persatuan, Kelab, Pertubuhan atau Badan-badan berdaftar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i). Mesyuarat peringkat Kebangsaan ( Kongres, 4 kali setahun)</li> <li>ii). Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan</li> <li>iii). Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Negeri</li> <li>iv). Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Jabatan</li> </ul> <p>2) Penglibatan sebagai AJK hendaklah mendapat kelulusan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan. Penglibatan sebagai ahli biasa tidak perlukan kelulusan Ketua Jabatan.</p> <p>3) Tuntutan elaun bagi aktiviti Cuepacs adalah berdasarkan kepada peringkat penglibat seperti di Lampiran A.</p> <p>4) Kemudahan diberikan kepada ahli-ahli Kesatuan, Persatuan, Kelab, Pertubuhan atau Badan-badan berdaftar seperti di Lampiran B.</p> <p>5) Sebarang tuntutan elaun-elaun penginapan, makan dan perjalanan daripada ahli yang terlibat di dalam menjalankan aktiviti pertubuhan/kesatuan/persatuan/kelab hendaklah ditanggung oleh</p> |

| <b>Peringkat Penglibatan</b> | <b>Kelayakan dan Kemudahan yang diberikan oleh MPOB</b>   |
|------------------------------|---|
|                              | <p>pertubuhan/kesatuan/persatuan/kelab yang berkenaan mengikut kadar yang ditentukan oleh badan masing-masing.</p> <p>6) Kemudahan Cuti Tanpa Rekod diberikan tidak melebihin 14 hari setahun dan tambahan 2 hari bagi hari perjalanan untuk menghadiri aktiviti seperti Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa, Khemah / Latihan tahunan, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan.</p> <p>7) Sekiranya anggota dijemput sebagai penceramah/fasilitator/jurulatih /pengadil atau AJK pengelola, anggota hendaklah mendapatkan sokongan Pengarah Kewangan dan Pengurusan dan kelulusan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan sekurang-kurangnya 5 hari sebelum program bermula. Kos yang terlibat untuk seperti elauan, perjalanan dan honorarium hendaklah dituntut dengan penganjur.</p> |

#### **4. BANTUAN KEWANGAN UNTUK PENGANJURAN PROGRAM**

- i. Pada dasarnya semua aktiviti Kesatuan, Persatuan dan Kelab hendaklah menggunakan dana masing-masing. Namun dalam kes-kes tertentu pihak Pengurusan boleh mempertimbangkan bantuan kewangan untuk membiayai aktiviti Kesatuan, Persatuan dan Kelab.
  
- ii. Kertas kerja hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui Pengarah Kewangan & Pengurusan serta Timbalan Ketua Perkhidmatan. Kertas kerja hendaklah mengandungi:
  - Objektif program
  - Justifikasi penganjuran program
  - Pengisian Program
  - Ahli yang akan terlibat
  - Implikasi Kewangan
  - Penyata Kewangan Persatuan/Kesatuan/Kelab
  - Tempoh pelaksanaan.
  - Perancangan Program Tahunan

## **5. PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN PERJALANAN DAN AKTIVITI KESATUAN/PERSATUAN DAN KELAB**

Peruntukan akan diletakkan di bawah Unit Kewangan & Perolehan. Anggota boleh menuntut elaun-elaun dan kemudahan menggunakan Sistem SeTs dengan sokongan Ketua Jabatan untuk diluluskan oleh Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

## **6. TARIKH KUAT KUASA**

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 16 April 2023.



**DATUK DR AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR**


**KETUA PENGARAH**

**TARIKH:**

**LAMPIRAN A**

**Kemudahan yang ditawarkan oleh MPOB bagi aktiviti CUEPACS:**

| <b>Perkara</b>   | <b>Kebangsaan</b>  | <b>Negeri</b>                                   | <b>Jabatan</b>   | <b>Kuasa Melulus</b> |
|--|--|---|--|----------------------|
| Kongress (maksimum empat (4) kali setahun, Mesyuarat khas tertakluk kepada keperluan maksimum dua (2) kali setahun. Hanya Presiden dan Setiausaha yang layak hadir)  | <p>Kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan/kenderaan jabatan</li> <li>• Penginapan mengikut tugas rasmi</li> </ul> <p>(Jika disediakan oleh penganjur tidak layak tuntut)</p> | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB  | TKP(S)               |
| Kovensyen tiga (3) tahun sekali). Jumlah ahli yang layak hadir: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Setiap 200 pertama- 1 perwakilan</li> <li>▪ Tambahan 50 orang – 1 perwakilan</li> <li>▪ Pemerhati: 2 orang</li> <li>▪ (Maksimum 10 orang tertakluk kepada jumlah keahlian)</li> </ul> | <p>Kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan/kenderaan jabatan</li> <li>• Penginapan mengikut tugas rasmi</li> </ul> <p>(Jika disediakan oleh penganjur tidak layak tuntut)</p> | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB | <p>MPOB boleh menyediakan kenderaan pejabat tertakluk kepada kesediaan dan tidak melibatkan pemandu.</p> <p>(Pandu sendiri) . Diwajibkan car pool.</p> | TKP(S)               |
| Mesyuarat JK Gred (N, Q, H). JK wanita . Seorang sahaja yang dibenarkan hadir setiap gred (maksimum 4 kali setahun)<br>Atau:   | <p>Kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan/kenderaan jabatan</li> <li>• Penginapan mengikut tugas rasmi</li> </ul> <p>(Jika disediakan oleh penganjur tidak layak tuntut)</p> | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB  | TKP(S)               |

| Perkara  | Kebangsaan  | Negeri  | Jabatan   | Kuasa Melulus |
|--|---|---|---|---------------|
| Naib Presiden JK Gred layak hadir setiap bengkel bersama seorang wakil ((Maksimum satu orang hadir bagi sesuatu bengkel /gred)   |   |   |   |               |
| Bengkel CUEPACS JK Gred (N, Q, H). JK wanita . Seorang sahaja yang dibenarkan hadir setiap gred (maksimum 4 kali setahun) Atau: Naib Presiden JK Gred layak hadir setiap bengkel bersama seorang wakil ((Maksimum satu orang hadir bagi sesuatu bengkel /gred) | Ditanggung sepenuhnya oleh CUEPACS MPOB boleh menyediakan kenderaan pejabat tertakluk kepada kesediaan.   | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB   | Tiada kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB |               |
| Mesyuarat JK Teringgi CUEPACS Kebangsaan (12 kali setahun)   | Kelayakan elaun yang ditanggung oleh MPOB: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan/kenderaan jabatan</li> <li>• Penginapan mengikut tugas rasmi</li> </ul> (Jika disediakan oleh pengajur tidak layak tuntut)  | MPOB boleh menyediakan kenderaan pejabat tertakluk kepada kesediaan dan tidak melibatkan pemandu. (Pandu sendiri). Diwajibkan car pool. |   | TKP(S)        |

**DATUK DR AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR**

**KETUA PENGARAH**

**TARIKH:**

**LAMPIRAN B**

**Kemudahan yang ditawarkan oleh MPOB bagi aktiviti oleh OAMPOB, KKAM, PUSPANITA, PKKIM dan KSSM)**

| Perkara                    | Kebangsaan  | Negeri  | Jabatan   | Kuasa Melulus |
|----------------------------|---|---|---|---------------|
| Mesyuarat Agung/Perwakilan | Kelayakan:<br><ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan jabatan tertakluk kepada kekosongan</li> <li>• Cuti tanpa rekod/pelepasan waktu bekerja</li> </ul> | Kelayakan:<br><ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan jabatan tertakluk kepada kekosongan</li> <li>• Cuti tanpa rekod/pelepasan waktu bekerja</li> </ul> | Kelayakan:<br><ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan jabatan tertakluk kepada kekosongan</li> <li>• Cuti tanpa rekod/pelepasan waktu bekerja</li> </ul> | TKP(S)        |
| Aktiviti/Program           | Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan:<br>Cuti Tanpa Rekod/Pelepasan<br>Kenderaan Jabatan   | Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan.<br>Sediakan kertas kerja untuk kelulusan.  | Tertakluk kepada kelulusan Pengurusan.<br>Sediakan kertas kerja untuk kelulusan.  | TKP(S)        |

**DATUK DR AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR**

**KETUA PENGARAH**

**TARIKH:**